



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

FORUM SEMPENA MAJLIS ILMU 2024 BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Skop Tema: Pengurusan Emosi dan Kesihatan Mental

Tajuk: "Emosi ku eh!"

Sabtu, 19 Oktober 2024 - Forum sempena Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Brunei dan Muara sebagai kesinambungan kepada Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun telah diadakan pada hari Sabtu, 15 Rabiulakhir 1446H bersamaan 19 Oktober 2024M bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan. Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kementerian Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja - Seminar Majlis Ilmu 2024, Timbalan Pengerusi Bersama, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan, para jemputan khas, para panel forum, pihak swasta, pensyarah-pensyarah, mahasiswa-mahasiswi dan persatuan-persatuan.

Perisian forum pada pagi ini menengahkan mengenai masalah kesihatan mental pada era modern ini seperti kemurungan, kebimbangan, dan tekanan emosi semakin meningkat, khususnya dalam kalangan masyarakat Islam. Maka di dalam memastikan keadaan mental yang sihat akan dapat membantu keupayaan seseorang untuk menguruskan emosi, menjalani, menghargai dan menikmati kehidupan dengan cara yang positif, produktif dan seimbang.

Perkara tersebut adalah antara intipati Forum bertajuk "Emosi ku eh!" yang telah diadakan selaras dengan tema utama Sambutan Majlis Ilmu 2024 iaitu "Menangani Gejala Mental. Forum tersebut telah dibentangkan oleh tiga ahli panel, iaitu Yang Mulia Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda, Profesor, Fakulti Syariah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Yang Mulia Hajah Rozailah binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Psikologis di Unit Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan; dan Yang Mulia Ustazah Dayang Siti Hanisah binti Haji Osman, Pegawai Pelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku moderator forum ialah Yang Mulia Mohammad Rif'at Atiyyah bin Haji Anwari, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan.

Dalam menghadapi dan menangani apa juga musibah, pendekatan Negara Brunei Darussalam tetap tidak berubah dengan cara bersabar, berusaha dan berikhtiar. Maka adalah penting untuk mengenal pasti tatacara dan kaedah pencegahan gangguan mental, rawatan sepadu yang menggabungkan intervensi medikal dengan rawatan ketuhanan, dan pemulihan penyakit mental.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Email: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: MOFE/ADM/70
Tarikh: 08 Rabiulakhir 1446H / 19 Oktober 2024M